

27/07/1997

Tiga tokoh Malaysia terima anugerah cemerlang

TOKOH dari Malaysia diisytiharkan sebagai pemenang tiga Anugerah Pencapaian Cemerlang Asean ke-5 anjuran Forum Perniagaan Asean, semalam.

Pengerusi Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir diumumkan sebagai pemenang kategori Khidmat Masyarakat manakala Presiden merangkap Setiausaha Mimos Bhd, Tengku Mohd Azzman Shariffudeen, memenangi kategori Teknologi Maklumat.

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Datuk Dr Ahmad Zaharuddin Idrus, pula memenangi kategori sains.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang akan diadakan di Hotel Shangri-la Jakarta pada 7 Ogos ini. Pengumuman senarai pemenang dibuat Presiden Forum Perniagaan Asean, Tan Sri Datuk Dr Loy Hean Hong.

Presiden Dewan Perniagaan Indonesia merangkap Pengerusi Bakrie Group of Companies, Aburizal Bakrie menang anugerah kategori Tokoh Perniagaan 1997.

(END)